

Pedas, Kongsi dan Nikmati: Sensasi Mala di Puncak Kini di Resorts World Genting

Genting Highlands, 24 Jun 2026 – Kegilaan rakyat Malaysia terhadap mala kini mencapai tahap baharu menerusi Mala di Puncak, yang membawa obsesi rasa pedas ke Resorts World Genting (RWG).

Menampilkan lima ciptaan istimewa dalam satu pengembaraan kulinari yang unik, kempen ini berlangsung sehingga 31 Julai 2026. Hidangan kegemaran rakyat Malaysia diberikan sentuhan baharu menerusi gabungan rasa mala yang berani dan penuh karakter, menjadikan setiap sajian satu pengalaman gastronomi yang istimewa di destinasi peranginan tanah tinggi terkemuka negara.

Pengembaraan rasa bermula di Jom Makan SkyAvenue, Aras G SkyAvenue, menerusi Nasi Lemak Ayam Gepuk Sambal Meletop. Hidangan ini menampilkan ayam goreng gepuk yang rangup disaluti sambal mala berperisa pedas dan berempah, menghasilkan gabungan yang pasti membangkitkan selera. Sesuai dinikmati bersama keluarga dan rakan-rakan, hidangan berharga RM82.50 ini boleh dikongsi oleh empat orang dan turut ditawarkan dengan pilihan minuman tambahan pada harga RM3 setiap satu.

Di Lobby Café, pengunjung berpeluang merasai Roti Tisu Mala yang dikatakan pertama di Malaysia. Hidangan kegemaran ini dipadankan dengan sos pencicah mala khas, menghasilkan kombinasi tekstur rangup dan berlapis dengan rasa mala yang unik. Ditawarkan pada harga RM9, atau RM13 bersama kombo minuman seperti teh lemon ais, teh Hainan ais, kopi Hainan ais atau air mineral, ia memberikan sentuhan baharu kepada sajian tradisional yang digemari ramai, paling enak dinikmati pada ketinggian lebih daripada 6,000 kaki dari paras laut.

Bagi mereka yang gemar mencuba sesuatu yang luar biasa, Italgelato di Hotel First World dan Bakery di Genting Grand menawarkan Gelato Mala, gabungan inovatif antara kemanisan berkrim dan kehangatan rempah mala. Dihasilkan menggunakan campuran rempah khas yang mengandungi lada Sichuan, gelato ini menawarkan tekstur yang lembut dan berkrim serta rasa pedas yang seimbang, meninggalkan rasa pedas yang berpanjangan. Pada harga RM9 untuk satu skop dan RM16 untuk dua skop, ia menawarkan hidangan pencuci mulut yang lembut, sejuk dan menyegarkan dengan sentuhan rasa yang unik dan mengujakan.

Sementara itu, Malaysian Food Street memperkenalkan satu lagi ciptaan inovatif menerusi Nasi Ayam Hainan Mala. Ayam kukus yang lembut dan nasi yang harum diperkaya dengan sos halia dan bawang putih berperisa mala, menghasilkan hidangan yang selesa dinikmati namun kaya dengan rasa. Ditawarkan pada harga RM24, ia turut tersedia dalam set kombo bernilai RM28 bersama pilihan teh herba seperti Luo Han Guo, Krisantemum atau Air Tebu, yang melengkapkan keseimbangan rasa pedas dengan kesegaran minuman.

Bagi penggemar hidangan panggang, Fire Pit membawakan Ikan Patin Bakar Mala yang menampilkan ikan patin segar dipanggang dalam balutan daun pisang. Hidangan ini disajikan bersama sos pencicah mala istimewa serta sos mentega kacang berkrim dan mantou, menawarkan gabungan rasa salai, berperisa dan pedas yang seimbang. Pada harga RM58, dengan minuman ringan pada harga tambahan RM2, ia memberikan pengalaman rasa yang kaya dan meninggalkan rasa yang tidak mudah dilupakan.

Dicipta khas sempena Mala di Puncak, kelima-lima hidangan ini meraikan kecintaan rakyat Malaysia terhadap cita rasa yang berani di samping mengetengahkan kepelbagaian penggunaan mala yang melangkaui akar tradisionalnya. Sama ada tetamu memilih hidangan utama, sajian untuk dikongsi, makanan ringan mahupun pencuci mulut, resort ini menawarkan pilihan yang sesuai untuk setiap selera.

Bagi menambah keterujaan, Resorts World Genting akan menganjurkan Peraduan Siri Mala dari 22 hingga 28 Jun 2026 di TikTok rasmi. Para peserta hanya perlu mengikuti akaun rasmi, menyukai hantaran peraduan, menjawab soalan “Menu mana satu yang korang nak try?” dan tag seorang rakan di ruangan komen. Sepuluh pemenang bertuah bersama pasangan masing-masing akan menerima baucar untuk menikmati kesemua lima hidangan dalam siri Mala ini.

Sama ada anda menggemari hidangan pedas, pencuci mulut yang unik atau sekadar ingin mencuba sensasi viral terbaharu, Mala di Puncak menjanjikan pengembaraan kuliner yang berbaloi untuk diterokai.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media sosial rasmi RWG.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana

melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjana tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.